

PELAWAAN KE "RESINEX 2010" AHAD INI

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 22 Julai 2010 19:16

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student; Info UUM - JPR

22 JULAI 2010/10 SYAABAN 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: BERIKUT disertakan makluman berkaitan program **Research Innovation Exhibition 2010 (ResInEx2010)** anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Embedded System Studio dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) daripada Dr. Shahrul Azmi bin Mohd Yusof (Pengarah Projek ResInEx 2010) untuk perhatian tuan/puan:

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Datin/Prof./Tuan/Puan

JEMPUTAN MENGHADIRI PROGRAM
'RESEARCH INOVATION EXHIBITION 2010' (RESINEX 2010)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Saya sebagai Pengarah Projek ResInEx2010 ingin menjemput Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Datin/Prof./tuan/puan untuk menghadiri program 'Research Innovation Exhibition 2010' (ResInEx2010) pada **25 Julai 2010 (Ahad)** ini bertempat di **Bangunan Teknologi Maklumat, UUM CAS**.

ResInEx2010 dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Embedded System Studio dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Program sehari ini bertujuan untuk mempamer dan mempromosikan produk berbentuk inovasi daripada UUM dan UniMAP yang telah memenangi pengiktirafan antarabangsa.

Disamping itu, pameran ini juga dapat dijadikan pentas perbincangan untuk mencetuskan idea yang lebih kreatif dan dinamik dalam memartabatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk inovasi.

Program ini terdiri daripada pameran produk inovasi, sesi syarahan dan sesi tutorial.

Maklumat program ResInEx 2010 adalah seperti berikut :

Pameran

Tempat : Foyer Bangunan Teknologi Maklumat, UUM CAS
Masa : 9.30 pagi hingga 4.30 petang

Sesi Syarahan Utama

Tempat : Dewan Seminar, Bangunan Teknologi Maklumat, UUM CAS
Masa : 9.15 pagi hingga 12.00 tengah hari
Tajuk : "Innovation in Acoustic Research"
Oleh : Prof. Dr. Sazali Yaacob
TNCA & Ketua Kluster Aplikasi Akustik UniMAP

Sesi Tutorial

Tempat : Dewan Seminar, Bangunan Teknologi Maklumat, UUM CAS
Masa : 2.15 petang hingga 3.45 petang
Tutorial 1 : "Vowel Recognition"
oleh Dr. Shahrul Azmi bin Mohd Yusof, Pensyarah Kanan UUM
Tutorial 2 : "Speech Pathology Detection"
oleh Dr. M. Hariharan, Pensyarah Kanan UniMAP
Tutorial 3 : "Speech Intelligibility in Classroom"
oleh Puan M. Thigararani, Pensyarah UUM

Pameran adalah percuma untuk semua.

Sesi syarahan dan tutorial akan dikenakan yuran sebanyak RM10 (staf) dan RM5 (pelajar) yang boleh dibayar semasa pendaftaran bermula jam 8.00 pagi sebelum program syarahan bermula.

Sarapan, makan tengah hari dan petang akan disediakan dan sijil penyertaan akan diberikan kepada peserta